

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester 1
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

AAW313 - SISTEM MAKLUMAT PERAKAUNAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab LIMA (5) soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (WAJIB)

Soalan 1

Penyata-penyata kewangan merupakan output utama bagi sesuatu sistem maklumat perakaunan. Jelaskan bagaimana kunci kira-kira dan penyata pendapatan bagi firma-firma bersaiz sederhana boleh membantu pengguna-pengguna berikut:-

- (a) pelanggan
- (b) pembekal
- (c) pemegang saham
- (d) pengurus-pengurus
- (e) bank yang memberi pinjaman

[20 markah]

Soalan 2

Sebagai seorang akauntan di Syarikat Tukar Pakai yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Mentakab anda telah diarahkan oleh pengurus besar untuk menyediakan satu sistem pemprosesan bayaran gaji. Melalui dokumentasi itu, syarikat mengharapkan dapat mengurangkan kelewatan menyediakan gaji pekerja. Melalui temuduga anda dengan ketua kerani bahagian gaji, anda berpendapat:

- (i) Sistem itu mestilah mudah
- (ii) Data masa direkodkan di setiap jabatan dengan menggunakan kad masa dan jam.

...2/-

- (iii) Sebelum fail gaji diproses, jabatan sumber manusia perlu menghantar data mengenai perubahan pekerja, seperti kenaikan gaji dan pekerja baru.
- (iv) Data kemudian diproses dan penyata gaji pekerja dihasilkan
- (v) Laporan cukai pendapatan perlu disediakan
- (vi) Laporan dalaman perlu disediakan

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan rajah konteks (context diagram) sistem pemprosesan gaji bagi Syarikat Tukar Pakai, dan jelaskan rasional rajah berkenaan.

[10 markah]

- (b) Menyediakan rajah data aliran dan kamus data (data dictionary) untuk penyediaan sistem pemprosesan gaji syarikat ini.

[10 markah]

Bahagian B

Jawab TIGA (3) soalan.

Soalan 3

- (a) Bincangkan kelebihan pendekatan pangkalan data berbanding dengan pendekatan fail untuk pemprosesan data.

[10 markah]

- (b) Jelaskan konstrain yang terdapat dalam model *relational* sistem pengurusan pangkalan data.

[10 markah]

Soalan 4

- (a) Jelaskan tiga fungsi utama sistem maklumat perakaunan.

[5 markah]

...3/-

- (b) Nyatakan bentuk kawalan dalaman diperlukan untuk mengelak perlakuan salah fungsi (dysfunctional behaviour) bagi sesuatu rekabentuk sistem maklumat perakaunan.

[15 markah]

Soalan 5

- (a) Bandingkan perbezaan atau persamaan panduan untuk menyediakan Carta Aliran dan Rajah Aliran Data.

[5 markah]

- (b) Bincangkan prinsip rekabentuk umum dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua teknik dokumentasi tersebut?

[15 markah]

Soalan 6

- (a) Bincangkan tiga kriteria penilaian pembelian sesuatu sistem maklumat perakaunan.

[10 markah]

- (b) Jelaskan istilah “outsourcing” dan bincangkan kebaikan dan risikonya.

[10 markah]

Soalan 7

- (a) Jelaskan jenis maklumat luaran yang diperlukan untuk mengurus kitaran hasil secara efektif.

[5 markah]

- (b) Bandingkan kebaikan dan kelemahan menggunakan sistem pra-pembilan (pre-billing) dengan pasca-pembilan (postbilling).

[15 markah]

---ooo000ooo---